

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HASAN BIN ARIFIN
[ROMPIN]

TARIKH : 21 MAC 2016 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Hasan bin Arifin minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kajian terkini mengenai situasi dan keadaan kesemua 41 empangan seluruh negara dari aspek fungsi, tahap keselamatan dan boleh gunanya serta berikan jumlah kos untuk membaik pulih ataupun bina semula Empangan yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Sebanyak 33 daripada 41 buah empangan telah dilakukan pemeriksaan oleh pihak yang bertanggungjawab ke atas empangan tersebut seperti berikut:
 - (i) Tenaga Nasional Berhad (9 buah);
 - (ii) Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (9 buah);
 - (iii) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (3 buah);
 - (iv) Syarikat swasta (2 buah); dan
 - (v) Jabatan Bekalan Air, KeTTHA (10 buah).

2. Berdasarkan laporan yang telah dikeluarkan, kesemua empangan terbabit berada dalam keadaan baik dan hanya memerlukan tindakan baik pulih yang minimum sahaja.

3. Sementara itu, pemeriksaan ke atas baki 8 buah empangan yang kesemuanya terdiri daripada empangan bekalan air akan dilaksanakan sepenuhnya secara berperingkat pada tahun 2016

oleh Unit Pemantauan dan Keselamatan Empangan yang telah
ditubuhkan di bawah KeTTHA.
